



## **TALKING POINT**

**YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **SESI TINJAUAN**

**KE LOKASI KIOS USAHAWAN ANAK MUDA KOTA  
KUALA LUMPUR  
(JALAN TUN TAN CHENG LOCK & MENARA DBKL 3)**

**&**

**KAMPONG BHARU  
(JALAN RAJA MUDA MUSA  
KE JALAN RAJA ALANG)**

**12 OKTOBER 2021 (SELASA)  
(3.00 PETANG)**

## A. **USAHAWAN ANAK MUDA KOTA (UAMK) WP**

1. KWP dengan kerjasama agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya telah memperkenalkan Program Usahawan Anak Muda Kota (UMK) dengan memberi peluang kepada peniaga dan memperbanyakkan kawasan perniagaan di lokasi tumpuan ramai di pusat bandar Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kadar sewa yang lebih murah. **Sebanyak 1,000 kios dan ruang niaga disasarkan pada tahun 2020 sehingga tahun 2022.**
2. Sehingga kini, **seramai 126 orang usahawan** telah memulakan operasi kios-kios dan ruang niaga di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

### **Kios Di Lokasi Central Business District (CBD)**

3. Terkini kios di Lokasi Central Business District (CBD) yang berkonseptan sewaan mampu milik, tidak bersifat kekal dengan rekaan bentuk yang bersifat ringkas dan moden dan diletakkan di pusat bandar Kuala Lumpur. **Bagi tahun 2021, sebanyak 10 kios CBD telah siap dibina manakala kios di Kawasan River Of Life (ROL) di lokasi CBD yang telah siap dibina adalah sebanyak 12 kios.**
4. Tinjauan ini akan di buat di Kios CBD berhadapan Menara DBKL 3 dan Kios ROL di Jalan Tun Tan Cheng Lock. Bagi usahawan-usahawan di sini, **insentif percuma fi lesen dan pengurangan harga sewaan kios sebanyak 50% pada tahun pertama beroperasi telah diberikan.**

5. Kios CBD yang ditempatkan berhadapan Menara DBKL 3, Jalan Abdullah, Kuala Lumpur telah diusahakan oleh usahawan yang sebelum ini bermiaga di Koperasi Sekolah. Pandemik Covid-19 melanda menyebabkan beliau kehilangan punca pendapatan akibat penutupan sekolah yang lama. Beliau telah mula menjalankan perniagaan di kios ini bermula pada bulan Jun 2021 yang lalu dengan menjual makan pagi dan makan tengah hari sehingga jam 4.00 petang.
  
6. Usahawan yang terpilih untuk menjalankan perniagaan di kios Jalan Tun Tan Cheng Lock, Kuala Lumpur ini merupakan seorang asnaf dan telah mula bermiaga pada 1 September 2021. Seorang lagi Usahawan merupakan seorang bekas pekerja kilang yang diberhentikan kerja kesan daripada pandemik Covid-19. Perniagaan kecil-kecilan beliau bermula dari rumah dan seterusnya beliau telah mula menjalankan perniagaan di Jalan Tun Tan Cheng Lock ini bermula November 2020 setelah berjaya dalam pemilihan Usahawan Anak Muda Kota.

## **PERANCANGAN MASA HADAPAN**

7. DBKL merancang untuk mengadakan **Program Pementoran Usahawan** bagi semua usahawan anak muda kota yang terpilih termasuk di kalangan usahawan yang bermiaga di tapak ini. Bagi bergerak ke hadapan, beberapa langkah perlu dikenal pasti untuk meningkatkan lagi **kadar pendigitalan perniagaan** bagi memastikan usahawan anak muda kota dapat beroperasi dengan mampan.

8. KWP dengan kerjasama DBKL sentiasa berusaha untuk memberi **peluang kepada golongan belia khususnya di kalangan B40 yang berpotensi menjadi usahawan** diberi peluang untuk menceburi bidang keuasahawanan melalui Program Usahawan Anak Muda Kota. Pelaksanaan program yang teratur dan berkesan seumpama ini dijangka berupaya **memberikan impak yang positif dalam usaha menangani masalah kemiskinan di kalangan golongan rentan** serta kumpulan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun 2020.

**B. SYURGA MAKANAN DARI JALAN RAJA MUDA MUSA KE JALAN RAJA ALANG DI KAMPONG**

1. Tujuan program TUPA pada hari ini adalah meninjau dan mengenali pelbagai jenis juadah makanan rakyat Malaysia terutama makanan popular Kampong Bharu di sepanjang laluan **Jalan Raja Muda Musa sehingga Jalan Raja Alang di Kampong Bharu** yang dikenali sebagai **syurga makanan**.
2. Kampong Bharu yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur merupakan kawasan yang strategik, sering dikunjungi oleh warga kota termasuk pengunjung dari dalam dan luar negara untuk mendapatkan pelbagai juadah masakan Melayu.
3. Terdapat pelbagai **menu masakan popular di Kampong Bharu** antaranya, bubur lambuk, nasi padang, sate padang, nasi lemak, ayam penyet dan pelbagai jenis kuih muih tradisional Melayu..
4. Keunikan menu-menu makanan ini telah menjadi tarikan warga kota dan pelancong untuk merasai pelbagai juadah dan berkunjung ke gerai makanan di Kampong Bharu.

**PROJEK PERKONGSIAN RUANG (SHARED SPACE) JALAN RAJA MUDA MUSA KAMPONG BHARU**

5. Bagi merancakkan aktiviti syurga makanan di Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Raja Alang, satu **Projek Perkongsian Ruang (Shared Space) Jalan Raja Muda Musa Kampong Bharu** akan dilaksanakan pada tahun ini. Projek ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan produk pelancongan <sup>6</sup> di Kampong Bharu dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan.

6. Selain daripada itu, **Projek Perkongsian Ruang (Shared Space)** ini juga akan membantu menanggani isu seperti **kesesakan lalulintas, isu peniaga/penjaja, kebersihan dan keindahan** Jalan Raja Muda Musa.
7. **PKB telah memajukan cadangan ini kepada DBKL** untuk menaik taraf **Jalan Raja Muda Musa dan juga Jalan Raja Alang** sebagai ‘Ruang Perkongsian’ susulan dari lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Januari tahun 2019.
8. **Datuk Bandar telah bersetuju dengan cadangan PKB** untuk menaiktaraf Jalan Raja Muda Musa (Fasa 1) sebagai perintis ‘Ruang Perkongsian’.
9. **Projek ini akan dilaksanakan oleh DBKL pada tahun 2021** juga. Proses tender akan dilaksanakan bulan ini dan projek di tapak akan bermula awal tahun hadapan 2022. Projek Perkongsian Ruang dijangka siap selewatnya awal tahun 2023.
10. Projek Perkongsian Ruang (Shared Space) Jalan Raja Muda Musa Kampong Bharu ini dijangka akan **menyelesaikan beberapa isu** yang telah dibangkitkan oleh peniaga dan masyarakat di Kampong Bharu.

